



LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (12)

SIARAN MEDIA

IPOH SUKA LANGKA: PERMULAAN BAHARU RUANG APRESIASI SENI KONTEMPORARI DI PERAK

19 SEPTEMBER 2025 – Balai Seni Negara terus memperkukuh perkembangan seni visual negara melalui penganjuran **Program Ipoh Suka Langka**, di **Balai Seni Negara Cawangan Ipoh**, yang bakal beroperasi di bangunan ikonik Pejabat Pos Lama Ipoh pada tahun hadapan. Program ini dianjurkan sebagai pembuka tirai sebelum Balai Seni Negara Cawangan Ipoh mula dibuka sepenuhnya.

Program Ipoh Suka Langka telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Turut hadir ialah YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara, Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN), pegawai-pegawai kanan MOTAC, wakil jabatan dan agensi, rakan kerjasama, serta para penggiat seni.

Program ini berlangsung pada **19 dan 20 September 2025**, berpusat di Balai Seni Negara Cawangan Ipoh, dan turut melibatkan beberapa lokasi penting sekitar bandar raya Ipoh termasuk Dataran Dato' Sagor, Town Hall, Masjid Sultan Idris Shah II, serta Pekan Ipoh. Ia mengetengahkan pelbagai aktiviti yang menggabungkan seni visual, budaya, dan komuniti dalam suasana yang inklusif dan meriah.

Antara aktiviti yang mendapat sambutan ialah Neon Art Walk, yang diadakan pada jam 8.00 malam hari ini. Acara riadah sepanjang laluan 1.5 km ini disertai kira-kira 400 peserta, menjadikan suasana bandar Ipoh lebih meriah. Selain itu, pertandingan seni yang dianjurkan termasuk Ipoh Plein Air, Mobilegraphy – Jejak Seni, dan Pertandingan Mewarna Kanak-kanak. Aktiviti komuniti pula merangkumi *Skate Jam*, manakala bengkel interaktif termasuk AR Colouring, Tayangan Animasi, Doodle Workshop, dan Cupcake Workshop.

Pengunjung juga berpeluang menikmati persembahan pentas yang menampilkan bakat-bakat seni tempatan. Program turut dimuatkan dengan pengisian Bicara Rohani bersama penceramah jemputan, Ustaz Syed Abdul Kadir Aljoofre, serta sesi Rapat Kurator bersama penggiat seni, di samping pelbagai aktiviti reruai yang menarik.

Menariknya, Program Ipoh Suka Langka turut dimeriahkan dengan pertunjukan Projek Pemetaan (*Projection Mapping*) di bangunan Balai Seni Negara Cawangan Ipoh pada setiap malam sepanjang program berlangsung, menggabungkan teknologi digital, ekspresi kreatif, dan pengalaman imersif untuk para pengunjung.

Majlis perasmian turut menyaksikan pelancaran Digitalisasi Ipoh Suka Langka, serta penyampaian hadiah bagi peserta Neon Art Walk. Melalui program ini, Balai Seni Negara menonjolkan kepelbagaian seni visual dan budaya tempatan, di samping mempersiapkan landasan bagi pembukaan cawangan Ipoh yang diharapkan mampu menjadi hab seni kontemporari untuk komuniti dan penggiat seni.

Balai Seni Negara merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua rakan kerjasama strategik serta para penaja yang turut menjayakan penganjuran program ini. Sokongan daripada pelbagai pihak mencerminkan komitmen bersama dalam memupuk apresiasi seni merentas generasi.

Nantikan pembukaan rasmi Balai Seni Negara Cawangan Ipoh, sebuah ruang kontemporari yang bakal memperkaya landskap seni di Perak. Maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari laman sesawang www.artgallery.gov.my.

Dikeluarkan:

**Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala

Lumpur Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Mohd Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my